

**Selamatkan MAS dengan penswastaan, kata Dr Mahathir
Malaysian Insider
Jun 16, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik**

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines (MAS) perlu diswastakan dan dipimpin oleh mereka yang dapat bekerjasama dengan kesatuan pekerja syarikat itu.

Dalam satu temuramah bersama The Malaysian Reserve hari ini, bekas perdana menteri itu berkata, golongan yang mempunyai pengalaman dalam urusan penerbangan boleh mengembalikan keuntungan syarikat penerbangan tersebut.

Beliau berkata, penswastaan langkah terbaik kerana syarikat penerbangan itu perlu mengadakan penstrukturan semula secara radikal dari atas ke bawah.

Dr Mahathir berkata, pemegang saham terbesar, Khazanah Nasional Bhd perlu meninggalkan MAS setelah diswastakan kerana tidak mempunyai kepakaran mahu fokus dalam bidang penerbangan.

"Khazanah boleh memegang sedikit saham tetapi saya tidak fikir ia satu keperluan. Mereka memiliki banyak syarikat yang stabil maka fokus 100% mereka tidak boleh terarah kepada MAS.

"MAS perlu pemeriksaan yang sangat intensif bagi melihat lompong dan bagaimana menutupnya," katanya kepada akhbar berkenaan.

Cadangan penswastaan MAS bukan isu baru kerana sewaktu menjawat jawatan perdana menteri, Dr Mahathir pernah membuka ruang pemilikan syarikat itu dan menyaksikan Tan Sri Tajuddin Ramli membuat pinjaman RM1.79 bilion pada 1994 untuk membeli 32% kepentingan dalam syarikat penerbangan itu.

Tajudin yang merupakan bekas pengerusi eksekutif MAS terjejas teruk dalam krisis kewangan Asia 1997 yang menyaksikan beliau terpaksa menjual pegangannya kepada kerajaan berjumlah RM1.79 bilion atau RM8 sesaham. Jumlah sama yang dibayar pada 2001 sewaktu saham syarikat itu ditutup pada RM3.68.

Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw semalam berkata kesatuan sekerja MAS terlalu berkuasa dan meminta tuntutan besar.

"Jika kita mempunyai kesatuan yang tidak memahami ragam industri penerbangan hari ini, MAS tidak dapat diselamatkan. Jika besar permintaan mereka, bagaimana MAS boleh terselamat?" katanya kepada Bernama.

Kesatuan Sekerja MAS (Maseu) pada Mei menggesa Datuk Seri Najib Razak menjalankan program penstrukturan semula setelah perdana menteri mendakwa sudah terlambat untuk menyelamatkan syarikat penerbangan itu.

Dr Mahathir berkata, melalui penswastaan, MAS boleh mendapatkan tenaga baru untuk berdepan dengan Maseu.

"Saya bertemu mereka. Mereka sanggup diswastakan. Mereka tidak menentang penswastaan kerana mereka berpendapat MAS tidak boleh terus begini," katanya.

Beliau berkata, pengurusan MAS tidak boleh menggunakan pendekatan konfrontasi berdepan kerena kesatuan sekerja itu.

"Mereka yang menyebabkan kejayaan dan kegagalan. Berunding dan pertimbang kehendak mereka. Bukan terima 100% tetapi mereka juga ada idea yang bernas," katanya.

MAS mencatatkan kerugian RM443.4 juta suku pertama tahun ini berbanding RM278.8 juta tempoh sama tahun lalu. Kerugian pada 2013 berjumlah RM1.17 bilion.

Syarikat penerbangan itu berkata, kerugian suku pertama disebabkan kehilangan pesawat MH370 apabila banyak pembatalan penerbangan dan kengangan penumpang menaiki pesawat selepas insiden itu.

Dr Mahathir menyarankan MAS mengikut jejak langkah ANA Jepun, Japan Airlines dan Garuda Indonesia yang turut diswastakan.

Beliau menolak cadangan penjualan bahagian kejuruteraan dan kargo kerana ia akan menjejaskan kewangan MAS.

"Itulah sumber keuntungan. Tanpa bahagian itu, MAS akan lebih parah," katanya. – 16 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selamatkan-mas-dengan-penswastaan-kata-dr-mahathir>